



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah



PANDUAN PENGAJARAN DUNIA SENI VISUAL



TAHUN **2**



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

PANDUAN PENGAJARAN

DUNIA SENI VISUAL

Terbitan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum

2011

Cetakan Pertama 2011

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa— juga bentuk dan dengan apa-apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau ara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Muka Surat

RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
PENDAHULUAN	vii
MATLAMAT	viii
OBJEKTIF	ix
FOKUS MATA PELAJARAN	x
PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL	xii
ORGANISASI KANDUNGAN	xiv
AKTIVITI DUNIA SENI VISUAL TAHUN DUA	xv

MENGGAMBAR

MODUL 1 Lukisan	1
MODUL 2 Catan	5
MODUL 3 Gosokan	8
MODUL 4 Resis	12

MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

MODUL 5 Lipatan dan guntingan	16
MODUL 6 Cetakan	20
MODUL 7 Tiupan	24

MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN

MODUL 8 Stabail	28
MODUL 9 Topeng	32

MENGENAL KRAF TRADISIONAL

MODUL 10 Permainan - Gasing	36
MODUL 11 Anyaman - Tembikar	40



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN





Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.





PENDAHULUAN

Dokumen Standard Dunia Seni Visual Tahun 2 bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembangkan keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar, serta kaitannya dengan mata pelajaran lain.

Umumnya, murid di sekolah rendah pada keseluruhan adalah kreatif, ekspresif, dan aktif. Seni Visual memainkan peranan memperkembangkan sifat-sifat ini melalui persepsi visual, imaginasi, dan daya pemikiran. Kegiatan pemikiran, penerokaan, dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual akan membolehkan mereka menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman ini penting kerana dapat membantu murid membina keyakinan diri, membuat penilaian, dan mengenali cita rasanya tersendiri.

MATLAMAT

Matlamat mata pelajaran Seni Visual sekolah rendah adalah untuk melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif, dan produktif menerusi pemupukan asas seni visual. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa, serta dapat memberikan sumbangan ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.





OBJEKTIF

Setelah mengikuti Kurikulum Seni Visual sekolah rendah murid dapat :

1. menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan
2. melibatkan diri dalam kegiatan seni visual secara aktif, kritis, kreatif, dan meyeronokkan
3. menajamkan daya imaginasi melalui pancaindera
4. mengenali asas seni reka dan olahan serta dapat menggunakannya
5. mengembangkan kemahiran asas dalam pelbagai kegiatan seni visual
6. membiasakan diri membuat rekaan seni dengan teratur, cermat, dan selamat
7. memupuk nilai-nilai kerjasama, yakin diri, disiplin diri, dan bertanggungjawab
8. mengenal dan menghargai tokoh seni dan budaya tanah air
9. menggunakan kemudahan teknologi dalam kegiatan penghasilan seni visual
10. melibatkan diri dalam kegiatan seni visual sebagai aktiviti kesengangan yang berfaedah





FOKUS MATA PELAJARAN

Tumpuan mata pelajaran ini merangkumi empat aspek utama iaitu:

- a. pemerhatian secara aktif
- b. interaksi yang kritis dan kreatif dengan alat dan bahan
- c. apresiasi seni visual secara mudah
- d. menghargai nilai baik dalam semua aspek kehidupan

a. Pemerhatian secara aktif

Pemerhatian secara aktif ialah aspek perkembangan deria penglihatan, yang merangkumi pemerhatian keseluruhan, berfokus, dan terperinci untuk menajamkan persepsi murid. Selain itu, aspek ini juga melibatkan pancaindera lain dalam membantu perkembangan emosi dan imaginasi melalui kajian perbandingan. Faktor ini, dapat membantu pemahaman murid tentang asas seni visual dalam membuat pemerhatian terhadap alam benda dan alam semulajadi secara konkrit bagi mendapatkan imej mental. Umumnya secara keseluruhan kegiatan ini akan dapat membantu murid menyelaraskan idea, imaginasi, dan alam fantasinya ke arah perkembangan persepsi dan pemikiran abstrak.

b. Interaksi yang kritis dan kreatif dengan alat dan bahan

Peringkat ini menggalakkan murid membuat penerokaan dan percubaan dalam mempelbagaikan kegiatan kreatif dengan menggunakan alat dan bahan. Proses ini akan memperkembangkan aspek psikomotor dan kemahiran asas seni visual berhubung dengan manipulasi alat dan bahan serta teknik-teknik mudah. Semasa berinteraksi dengan alat dan bahan, murid membuat interpretasi, dan menyelaraskan konsepsi visualnya dengan objek yang dilihat. Proses pembelajaran ini amat penting kerana memberi peluang kepada murid belajar secara tidak langsung. Murid juga dapat mengenali perubahan yang boleh dilakukan oleh mereka dalam penghasilan seni pada masa akan datang.






c. Apresiasi seni visual secara mudah

Apresiasi seni visual memberi pengalaman kepada murid mengenali aspek pengetahuan seni visual dan kegunaannya dalam pelbagai kegiatan kehidupan dari segi keindahan dan fungsi. Murid terlibat dalam kajian perbandingan dan menyatakan apa-apa yang dilihat dari aspek seni melalui hasil kerja. Pernyataan tentang hasil kerja pula boleh dibuat dalam pelbagai cara seperti lisan, cerita, lakonan, nyanyian, karangan, dan puisi. Murid diperkenalkan kepada tokoh-tokoh seni dan menghargai sumbangan mereka.

d. Menghargai nilai baik dalam semua aspek kehidupan

Selain diberi pengalaman membuat apresiasi seni visual secara mudah, murid juga dipupuk nilai menyayangi dan menghargai segala aspek yang wujud dalam persekitaran dan kehidupan mereka. Ini termasuklah memelihara dan memulihara alam sekitar, nilai patriotisme, nilai kebersihan, dan kepekaan. Dengan ini murid akan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila berhadapan dengan pelbagai situasi.





PENILAIAN DALAM SENI VISUAL

Penilaian dalam Seni Visual bukan hanya melibatkan pengujian dan pengukuran tetapi penilaian secara keseluruhan. Penilaian secara keseluruhan membolehkan murid menggabungkan kefahaman mereka kepada aspek kognitif, psikomotor, dan afektif. Secara tidak langsung, penilaian menitikberatkan fokus pada perbuatan murid yang mencungkil kemahiran berfikir serta melahirkan murid yang mampu membuat keputusan. Keberkesanan program mata pelajaran ini dapat diukur melalui Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan di peringkat sekolah.

Penilaian Seni Visual KSSR mempunyai **empat** unsur iaitu **penilaian berasaskan sekolah, penilaian yang fleksibel, penilaian yang mempunyai akauntabiliti, dan penilaian yang adil.**

Penilaian berasaskan sekolah perlu dirancang dan dikendalikan secara berterusan dari segi pembinaan alat penilaian dan pentadbirannya. Penilaian yang fleksibel menitikberatkan penilaian yang mengambil kira keperluan sekolah serta ciri murid itu sendiri dari segi gaya pembelajaran dan kecerdasan murid. Penilaian boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan penilaian yang mempunyai akauntabiliti seperti perancangan, penentuan instrumen, dan pelaksanaannya. Selain itu, guru juga harus merekod pencapaian murid, menganalisis markah tersebut, serta membuat laporan untuk membuat tindakan susulan yang berkaitan. Penilaian dalam Seni Visual bersifat adil kerana cara, bentuk, dan kandungannya harus mengikut keadaan dan ciri murid. Murid dinilai dari segi pengetahuan mereka, cara mereka berfikir, dan kemampuan psikomotor mereka.

Terdapat tiga kaedah penilaian dalam Seni Visual secara khususnya, iaitu pemerhatian, lisan dan interaksi, serta penulisan. Kaedah pemerhatian melibatkan pemerhatian proses dan pemerhatian hasil kerja. Pemerhatian yang dilakukan oleh guru semasa murid membuat kerja dikenali sebagai pemerhatian proses berguna kerana guru dapat menilai penguasaan kemahiran amali dan perkembangan bakat murid. Selain itu, guru juga dapat menilai penguasaan kemahiran sosial, amalan murid serta memerhati pelahiran emosi dan perasaan. Tahap kreativiti murid juga dapat dikesan melalui pemerhatian. Pencapaian kebolehan dan kemahiran murid yang diperlihatkan pada hasil kerja dilakukan dengan melihat kriteria-kriteria tertentu pada hasil kerja bagi tujuan penilaian. Antara kriteria yang dipilih untuk penilaian ialah gubahan, interpretasi, kemahiran, fungsi, keaslian, kreativiti, dan kemasan. Ini dikenali sebagai pemerhatian hasil kerja., fungsi, keaslian, kreativiti, dan kemasan. Ini dikenali sebagai pemerhatian hasil kerja.





Kaedah lisan dan interaksi dapat menolong guru menilai penguasaan murid terhadap aspek seni melalui aktiviti yang dijalankan. Contohnya soal jawab, kuiz, perbincangan, sumbang saran, puisi, temu bual, bercerita, lakonan, dan nyanyian.

Kaedah penilaian secara penulisan pula berbentuk ujian pensel dan kertas. Penilaian ini boleh ditadbirkan secara formal dan tidak formal dengan instrumen yang berbentuk objektif dan subjektif. Tugas dan portfolio yang diberikan selepas pengajaran satu atau sebilangan tajuk atau tema Seni Visual adalah satu kaedah penilaian secara penulisan.





ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Seni Visual untuk sekolah rendah mengandungi empat bidang iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, serta mengenal kraf tradisional. Organisasi kandungan dalam empat bidang tersebut disusun berasaskan kepada empat standard kandungan iaitu persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif, dan apresiasi seni. Standard pembelajaran digubal dan diperincikan bagi tujuan pengajaran berasaskan standard pembelajaran.

STANDARD KANDUNGAN 1 : PERSEPSI ESTETIK

Standard kandungan ini membolehkan murid membuat persepsi dan memahami bahasa seni visual (unsur seni dan prinsip rekaan) yang terdapat pada alam ciptaan Tuhan, objek buatan manusia, dan karya seni.

STANDARD KANDUNGAN 2 : APLIKASI SENI

Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, pemahaman, dan bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti seni.

STANDARD KANDUNGAN 3 : EKSPRESI KREATIF

Standard kandungan ini mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan karya seni.

STANDARD KANDUNGAN 4 : APRESIASI SENI VISUAL

Standard kandungan ini membolehkan murid membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya. Murid juga boleh membuat penghayatan dan penghargaan seni warisan serta hubung kait seni visual dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, dan kerjaya.





Aktiviti di Tahun 2 bagi kurikulum Dunia Seni Visual meliputi :

BIDANG KEGIATAN	AKTIVITI
MENGGAMBAR	1. Lukisan 2. Catan 3. Gosokan 4. Resis
MEMBUAT CORAK DAN REKAAN	Terancang 1. Lipatan dan guntingan 2. Cetakan Tidak Terancang 1. Tiupan
MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN	1. Stabail 2. Topeng
MENGENAL KRAF TRADISIONAL	1. Alat Permainan – Gasing 2. Tembikar





MENGGAMBAR

Tahun	: 2
Bidang	: Menggambar
Aktiviti	: Lukisan
Tema	: Objek Buatan Manusia
Tajuk	: Rumahku
Masa	: 60 minit
Jenis-jenis Media	: Alat : tiada Bahan : kertas lukisan, pensel dan pensel warna atau <i>oil pastel</i>
Bahan Bantu Belajar	: Contoh lukisan
EMK	: Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti garisan, rupa, bentuk, warna,imbangan, dan kepelbagaian yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya lukisan.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti membuat lukisan.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan karya.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.






STANDARD PEMBELAJARAN

- 1.1 Persepsi Estetik** Murid dapat membuat pemerhatian dan mengetahui bahasa seni visual yang terdapat pada karya seni.
- 1.1.1 Unsur seni
 - 1.1.1.1 Garisan – selari dan bersilang
 - 1.1.1.2 Rupa – organik dan geometri
 - 1.1.1.3 Bentuk – ilusi
 - 1.1.1.4 Warna – primer dan sekunder
 - 1.1.2 Prinsip rekaan
 - 1.1.2.1 Imbangan – simetri
 - 1.1.2.2 Kepelbagaian – rupa dan garisan
- 1.2 Aplikasi Seni** Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam membuat lukisan.
- 1.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media dalam penghasilan karya seni
 - 1.2.1.1 Alat – tiada
 - 1.2.1.2 Bahan – kertas lukisan, pensel, dan pensel warna atau *oil pastel*
 - 1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta teknik dan proses dalam penghasilan karya
 - 1.2.2.1 Teknik – garisan selari atau garisan bersilang
- 1.3 Ekspresi Kreatif** Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran proses dan teknik dalam penghasilan lukisan.
- 1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
 - 1.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan lukisan
 - 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: garisan, rupa, bentuk, warna, imbangan, dan kepelbagaian dalam penghasilan lukisan
- 1.4 Apresiasi Seni** Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.
- 1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
 - 1.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Ekspresi kreatif <u>Langkah 1</u> • Murid melakar gambar rumah menggunakan pensel atau pensel warna. • Penekanan diberi pada prinsip imbalan dari aspek ruang dan kepelbagaian rupa. <u>Langkah 2</u> • Murid melukis dengan teknik garisan selari atau bersilang pada lakaran gambar menggunakan media yang dipilih. • Penekanan diberi pada unsur garisan, bentuk, rupa, dan warna. Apresiasi seni visual • Murid mempamerkan hasil lukisan yang telah dihasilkan. • Murid diminta menyatakan bahasa seni visual pada karya sendiri dan rakan yang dipamerkan dengan bimbingan guru.	    



MENGGAMBAR

Tahun	:	2
Bidang	:	Menggambar
Aktiviti	:	Catan
Tema	:	Alam Semula Jadi/Objek Buatan Manusia
Tajuk	:	Pokok Bunga
Masa	:	60 minit
Jenis-jenis Media	:	Alat : berus lukisan, palet, Bahan : kertas lukisan, cat air, tempera, cat poster
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh catan
EMK	:	Keusahawanan, kreativiti, dan inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti warna, jalinan, bentuk, ruang,imbangan, dan kesatuan yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya catan.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti membuat catan.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan catan.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.






STANDARD PEMBELAJARAN

- 1.1 Persepsi Estetik** Murid dapat membuat pemerhatian dan mengetahui bahasa seni visual yang terdapat pada karya seni.
- 1.1.1 Unsur seni
 - 1.1.1.1 Bentuk - ilusi
 - 1.1.1.2 Jalinan - tampak
 - 1.1.1.3 Warna - sekunder
 - 1.1.2 Prinsip rekaan
 - 1.1.2.1 Imbangan – ruang lukis
- 1.2 Aplikasi Seni** Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam membuat catan.
- 1.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media dalam penghasilan karya seni.
 - 1.2.1.1 Alat – berus lukisan, palet
 - 1.2.1.2 Bahan – kertas lukisan, cat air, tempera, cat poster
 - 1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta teknik dan proses dalam penghasilan karya
 - 1.2.2.1 Teknik – basah atas kering
- 1.3 Ekspresi Kreatif** Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran proses dan teknik dalam penghasilan catan.
- 1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
 - 1.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan catan
 - 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: warna, jalinan, bentuk, ruang, imbangan dan kesatuan dalam penghasilan catan
- 1.4 Apresiasi Seni** Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.
- 1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
 - 1.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik • Guru menunjukkan contoh catan gambar pokok bunga. • Guru bersoal jawab tentang bahasa seni visual yang ada pada contoh catan menggunakan media basah • Guru menyatakan definisi catan. Aplikasi seni • Guru memperkenalkan dan menyatakan media yang akan digunakan. • Guru menunjuk cara melakar gambar pokok bunga dengan memberikan penekanan pada ruang dan imbalan. • Guru menunjuk cara mewarna lakaran pokok bunga dengan menekankan bahasa seni visual seperti warna, bentuk, ruang dan jalinan, imbalan dan kesatuan. Ekspresi kreatif • Murid menghasilkan catan dengan bimbingan guru. • Murid menggunakan kreativiti dalam penghasilan catan. Apresiasi seni • Murid mempamerkan karya masing-masing • Murid menceritakan karya sendiri dan rakan.	 LANGKAH-LANGKAH  1  2  3  4  5



MENGGAMBAR

Tahun	: 2
Bidang	: Menggambar
Aktiviti	: Gosokan
Tema	: Objek Buatan Manusia
Tajuk	: Robot
Masa	: 60 minit
Jenis-jenis Media	: Alat : pelbagai jenis permukaan berjalanan Bahan : gambar salinan fotostat dan pensel warna
Bahan Bantu Mengajar	: Contoh lukisan
EMK	: TMK, Keusahawanan, Kreativiti dan inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti rupa, bentuk, jalinan, warna, serta kontra, dan kepelbagaian yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya menggambar teknik gosokan.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media, dan teknik dalam aktiviti menggambar teknik gosokan.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan gosokan.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpanduan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.





STANDARD PEMBELAJARAN

1.1 Persepsi Estetik Menghasilkan gambar menggunakan media basah dengan teknik gosokan yang menekankan aspek jalinan.

- 1.1.1 Unsur seni
 - 1.1.1.1 Rupa – organik dan geometri
 - 1.1.1.2 Bentuk – ilusi
 - 1.1.1.3 Jalinan – tampak dan sentuh
 - 1.1.1.4 Warna – primer dan sekunder
- 1.1.2 Prinsip rekaan
 - 1.1.2.1 Kontra - jalinan
 - 1.1.2.2 Kepelbagaian - jalinan dan ton warna

1.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam menghasilkan gambar dengan teknik gosokan.

- 1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media.
 - 1.2.2.1 Alat – pelbagai jenis permukaan berjalinan
 - 1.2.2.2 Bahan – kertas lukisan, pensel, dan pensel warna
- 1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya
 - 1.2.2.1 Teknik – gosokan


1.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran media, proses dan teknik, serta bahasa seni visual dalam menghasilkan karya seni.

- 1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
- 1.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik gosokan dalam penghasilan karya
- 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual :jalinan, kontra, dan kepelbagaian dalam penghasilan karya

1.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

- 1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
- 1.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan







MENGGAMBAR

Tahun	:	2
Bidang	:	Menggambar
Aktiviti	:	Resis
Tema	:	Alam Semula Jadi
Tajuk	:	Bunga Kebangsaan
Masa	:	60 minit
Jenis-jenis Media	:	Alat : berus lukisan dan palet Bahan : kertas lukisan, lilin atau <i>oil pastel</i> dan warna berasaskan air
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh gambar teknik resis
EMK	:	TMK, Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti garisan, rupa, bentuk, warna, kontra, dan harmoni yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya seni dalam penghasilan gambar menggunakan teknik resis.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti membuat resis.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan resis.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.







STANDARD PEMBELAJARAN

- 1.1 Persepsi Estetik** Murid dapat membuat pemerhatian dan mengetahui bahasa seni visual yang terdapat pada karya seni.
- 1.1.1 Unsur seni
 - 1.1.1.1 Garisan - kesan lilin / *oil pastel*
 - 1.1.1.2 Rupa - hal benda (*subject matter*)
 - 1.1.1.3 Warna - sekunder
 - 1.1.2 Prinsip rekaan
 - 1.1.2.1 Kontra - garisan dan warna
 - 1.1.2.2 Harmoni - rupa dan bentuk
- 1.2 Aplikasi Seni** Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar dengan teknik resis.
- 1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media
 - 1.2.1.1 Alat – berus lukisan dan palet
 - 1.2.1.2 Bahan – kertas lukisan, lilin atau *oil pastel* dan warna berasaskan air
 - 1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya
 - 1.2.2.1 Teknik – resis
- 1.3 Ekspresi Kreatif** Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran media, proses dan teknik serta bahasa seni visual dalam menghasilkan karya seni.
- 1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
 - 1.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik resis dalam penghasilan karya
 - 1.3.3 Menggunakan bahasa seni visual : garisan, rupa, bentuk, warna, kontra, dan harmoni dalam penghasilan karya
- 1.4 Apresiasi Seni** Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.
- 1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
 - 1.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik - Guru menunjukkan contoh-contoh hasil menggambar menggunakan teknik resis kepada murid. - Guru memperkenalkan media yang diperlukan untuk membuat resis. Aplikasi seni - Guru menunjuk cara menghasilkan gambar menggunakan teknik resis. i) Melukis gambar bunga raya menggunakan lilin atau <i>oil pastel</i> (warna cerah) ii) Mewarna dengan warna berasaskan air - Guru menerangkan kepada murid fungsi bahan yang digunakan. Ekspresi kreatif <u>Langkah 1</u> - Murid melukis gambar bunga raya menggunakan lilin atau <i>oil pastel</i> (warna cerah).	Contoh-contoh karya   





MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

Tahun	:	2
Bidang	:	Membuat corak dan rekaan
Aktiviti	:	Lipatan dan guntingan
Tema	:	Objek Buatan Manusia
Tajuk	:	Hiasan Dinding
Masa	:	60 minit
Media	:	Alat : Gunting dan pensel Bahan : Kertas lukisan, kertas warna dan gam
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh hasil karya yang telah siap
EMK		TMK, Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti rupa, warna, imbangan, kontra, dan harmoni yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya seni dalam penghasilan corak menggunakan teknik lipatan dan guntingan.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti membuat corak.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan corak.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.





STANDARD PEMBELAJARAN

2.1 Persepsi Estetik Murid dapat menyatakan unsur jalinan dan warna, prinsip keseimbangan, dan penegasan pada corak teknik lipatan dan guntingan.

- 2.1.1 Unsur seni
 - 2.1.1.1 Rupa - organik / geometri
 - 2.1.1.2 Warna – primier
- 2.1.2 Prinsip rekaan
 - 2.1.2.1 Imbangan – simetri
 - 2.1.2.2 Kontra – premier
 - 2.1.2.3 Harmoni – perulangan motif

2.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar dengan teknik lipatan dan guntingan.

- 2.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media
 - 2.2.2.1 Alat – gunting dan pensel
 - 2.2.2.2 Bahan – kertas lukisan, kertas warna dan gam
- 2.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya
 - 2.2.2.1 Teknik – lipatan dan guntingan

2.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran proses dan teknik dalam penghasilan corak lipatan dan guntingan.


- 2.3.1 Memilih dan mempelbagaikan bahan secara kreatif
- 2.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik lipatan dan guntingan dalam penghasilan corak terancang
- 2.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: rupa, warna, imbangan, kontra, dan harmoni dalam penghasilan karya


2.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

- 2.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
- 2.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi estetik - Guru menunjukkan contoh-contoh corak lipatan dan guntingan. - Guru berinteraksi dengan murid tentang unsur seni dan prinsip rekaan seperti jalinan, warna,imbangan, kontra, dan harmoni. Aplikasi seni - Guru menerangkan tentang alat dan bahan yang sesuai untuk menghasilkan corak. - Guru menunjukkan teknik melipat dan menggunting kertas untuk menghasilkan corak. - Guru menunjuk cara menampal corak kertas warna pada kertas lukisan. Ekspresi kreatif <u>Langkah 1</u> - Murid melipat dan melakar motif pada kertas warna. - Murid menggunting mengikut lakaran motif.	Contoh-contoh karya    



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
<u>Langkah 2</u> • Sapukan gam pada bahagian belakang kertas warna yang telah digunting dan tampalkan pada kertas yang berbeza warna. Apresiasi seni visual • Murid mempamerkan hasil kerja dan menyatakan hasil kerja sendiri dan rakan-rakan. • Murid menyatakan hasil corak lipatan dan guntingan boleh dijadikan hiasan pada rekaan lain seperti kad ucapan, penanda buku, dan hiasan bekas pensel.	  





MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

Tahun	:	2
Bidang	:	Membuat corak dan rekaan
Aktiviti	:	Cetakan
Tema	:	Alam Semula jadi
Tajuk	:	Pembalut Hadiah
Masa	:	60 minit
Media	:	Alat : bongkah kayu, tali parcel, berus lukisan, palet, surat khabar Bahan : gam UHU, kertas lukisan, dan warna poster atau tempera
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh-contoh karya teknik cetakan
EMK	:	TMK, Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti rupa, warna, dan harmoni yang terdapat pada alam ciptaan Tuhan, objek buatan manusia, dan karya seni dalam penghasilan corak menggunakan teknik cetakan.
2. Aplikasi pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam membuat corak.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan corak.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.





STANDARD PEMBELAJARAN

2.1 Persepsi Estetik Murid dapat menyatakan unsur rupa, warna serta imbangan pada corak rekaan.

2.1.1 Unsur seni

2.1.1.1 Rupa – organik atau geometri

2.1.1.2 Warna – primer (kuning, biru dan merah)

2.1.2 Prinsip rekaan

2.1.2.1 Harmoni – perulangan motif

2.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik cetakan.

2.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media

2.2.2.1 Alatan – bongkah kayu, tali parcel, berus lukisan, palet, dan surat khabar

2.2.2.2 Bahan – gam UHU, kertas lukisan, dan cat poster atau tempera

2.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya

2.2.2.1 Teknik – cetakan

2.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran proses dan teknik dalam penghasilan corak cetakan.

2.3.1 Memilih dan mempelbagaikan bahan secara kreatif

2.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik cetakan dalam penghasilan corak


2.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: rupa, warna, dan harmoni dalam penghasilan karya

2.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.


2.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan

2.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi estetik - Guru menunjukkan contoh-contoh corak teknik cetakan. - Guru berinteraksi dengan murid tentang bahasa seni visual seperti rupa, warna, dan harmoni. Aplikasi seni - Guru berinteraksi dengan murid tentang jenis-jenis media yang sesuai untuk membuat corak teknik cetakan. - Guru menunjuk cara membuat blok cetakan menggunakan tali parcel dan bongkah kayu. - Guru menunjuk cara bagi menghasilkan corak teknik cetakan. Ekspresi kreatif <u>Langkah 1</u> - Murid melukis motif flora pada bongkah. - Lekatkan tali parcel menggunakan gam UHU dan biarkan kering.	Contoh-contoh karya   



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
<u>Langkah 2</u> • Murid mewarna permukaan blok cetakan dan mencetak pada permukaan kertas lukisan dengan susunan motif mengikut kreativiti murid. • Ulangi langkah di atas dengan menggunakan warna yang berbeza. Apresiasi seni visual • Murid mempamerkan hasil kerja dan menyatakan hasil karya sendiri serta rakan. • Murid menyatakan hasil corak cetakan yang boleh dijadikan hiasan pada rekaan lain seperti kad ucapan, pembalut buku, dan hiasan bingkai gambar.	 





MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

Tahun	:	2
Bidang	:	Membuat corak dan rekaan
Aktiviti	:	Tiupan
Tema	:	Alam Semula Jadi
Tajuk	:	Hiasan Bingkai Gambar
Masa	:	60 minit
Media	:	Alat : surat khabar, gunting, berus lukisan, palet, dan straw Bahan : kertas lukisan, gam, dan warna poster atau
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh-contoh corak teknik tiupan
EMK	:	Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti garisan, warna, jalinan, ritma dan pergerakan serta kepelbagaian yang terdapat pada alam semula jadi dan karya seni dalam penghasilan corak teknik tiupan.
2. Aplikasi pengetahuan, kefahaman dan bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam membuat corak.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan corak.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.





STANDARD PEMBELAJARAN

2.1 Persepsi Estetik Murid dapat menyatakan dan membuat pemerhatian terhadap unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan corak teknik tiupan.

2.1.1 Unsur seni

2.1.1.1 Garisan - pelbagai jenis garisan

2.1.1.2 Warna - sekunder

2.1.1.3 Jalinan - tampak

2.1.2 Prinsip rekaan

2.1.2.1 Ritma dan pergerakan - garisan pelbagai arah

2.1.2.2 Kepelbagaian - warna, garisan, dan jalinan

2.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik tiupan.

2.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media

2.2.1.1 Alat - surat khabar, berus lukisan, palet, dan straw

2.2.2.2 Bahan – kertas lukisan, gam, dan cat poster atau cat air

2.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya.

2.2.2.1 Teknik – tiupan

2.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran proses dan teknik dalam penghasilan corak tiupan.

2.3.1 Memilih dan mempelbagaikan bahan secara kreatif

2.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik tiupan dalam penghasilan corak

2.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: garisan, warna, jalinan, serta ritma dan pergerakan dalam penghasilan karya

2.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

2.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan

2.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi estetik • Guru menunjukkan pelbagai corak teknik tiupan. • Guru berinteraksi dengan murid tentang unsur seni dan prinsip rekaan seperti garisan, jalinan, warna, irama dan pergerakan serta kepelbagaian. • Guru bersoal jawab dengan murid tentang media yang sesuai untuk membuat corak teknik tiupan. Aplikasi seni • Guru menunjuk cara menghasilkan corak tiupan dengan pelbagai teknik meniup straw. • Guru menunjukkan cara menghias bingkai gambar dengan corak teknik tiupan. <u>Langkah 1</u> • Murid membancuh warna di dalam palet. <u>Langkah 2</u> • Ambil warna menggunakan straw atau berus dan titiskan di atas kertas lukisan. • Tiup warna menggunakan straw ke pelbagai arah. • Menggunakan pelbagai warna untuk mendapatkan kesan corak tiupan yang menarik.	Contoh-contoh karya    





MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN

Tahun	:	2
Bidang	:	Membentuk dan Membuat Binaan
Aktiviti	:	Stabail
Tema	:	Alam Semulajadi/ Objek Buatan Manusia
Tajuk	:	Bunga
Masa	:	60 minit
Jenis-Jenis Media	:	Alat : Gunting Bahan : pensel warna, kad manila, gam, straw atau ranting kayu, plastisin, botol plastik, dan gambar daripada majalah.
Bahan Bantu Belajar	:	Contoh stabail yang telah siap
EMK	:	Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti bentuk, ruang, imbangan, dan harmoni yang terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya seni dalam penghasilan stabail.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam penghasilan stabail.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan stabail.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.





STANDARD PEMBELAJARAN :

3.1 Persepsi Estetik Murid boleh membuat pemerhatian dan mengetahui bahasa seni visual dari segi bentuk, ruang, imbangan, dan harmoni.

3.1.1 Unsur seni

3.1.1.1 Bentuk - konkrit

3.1.1.2 Ruang - susunan objek

3.2.1 Prinsip rekaan

3.1.2.1 Imbangan - simetri

3.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan stabail.

3.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media dalam penghasilan karya:

3.2.1.1 Alat - gunting

3.2.1.2 Bahan - pensel warna, kad manila, gam, straw atau ranting kayu, plastisin, botol plastik, dan gambar daripada majalah/ akhbar/ salinan fotostat

3.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya.

3.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran teknik dan proses dalam penghasilan stabail dalam bentuk 3D.

3.3.1 Memilih dan memanipulasikan bahan secara kreatif

3.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang bersesuaian dalam penghasilan stabail

3.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: bentuk, ruang, imbangan, dan harmoni dalam penghasilan stabail




3.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

3.4.1 Mempamerkan hasil karya yang dihasilkan

3.4.2 Menyatakan karya sendiri dan rakan secara lisan

3.4.4 Menghargai karya sendiri dan rakan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik - Guru menunjukkan beberapa contoh stabail yang telah siap. - Guru menerangkan ciri-ciri stabail. Aplikasi Seni - Guru memperkenalkan alat dan bahan yang diperlukan serta tunjuk cara menghasilkan stabail. <u>Langkah 1</u> - Gunting beberapa keping gambar bunga daripada majalah. <u>Langkah 2</u> - Tampal gambar bunga tadi pada kad manila dan guntingkan bentuk bunga tersebut. <u>Langkah 3</u> - Potong botol plastik dan ambil bahagian bawah sebagai tapak. - Masukkan plastisin ke dalam keratan botol plastik dan pacakkan straw pada plastisin. <u>Langkah 4</u> - Lekatkan gambar menggunakan gam UHU pada penyedut minuman.	Contoh-contoh stabail      

STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Ekspresi Kreatif • Murid menghasilkan stabail mengikut langkah-langkah yang telah ditunjukkan oleh guru. Apresiasi Seni Visual • Murid menceritakan pengalaman masing-masing semasa penghasilan stabail. • Murid menerangkan fungsi stabail yang dihasilkan.	





MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN

Tahun	: 2
Bidang	: Membentuk dan Membuat Binaan
Aktiviti	: Topeng Muka
Tema	: Alam Semula Jadi
Tajuk	: Muka Haiwan
Masa	: 60 minit
Jenis-Jenis Media	: Alat : Gunting Bahan : pensel warna atau <i>oil pastel</i> , kad manila, gam, benang, gelang getah atau tali
Bahan Bantu Belajar	: Contoh topeng yang telah siap
EMK	: Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti rupa, bentuk, warna, garisan,imbangan, dan penegasan yang terdapat pada alam semula jadi dan karya seni dalam penghasilan topeng muka.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam penghasilan topeng muka.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan topeng muka.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual.





STANDARD PEMBELAJARAN :

Murid berkebolehan :

3.1 Persepsi Estetik Murid boleh membuat pemerhatian dan mengetahui bahasa seni visual dari segi bentuk, warna, jalinan, imbangan, dan kesatuan.

- 3.1.1 Unsur seni
 - 3.1.1.1 Bentuk - konkrit
 - 3.1.1.2 Warna - sekunder
 - 3.1.1.3 Jalinan - tampak dan sentuh
- 3.1.2 Prinsip rekaan
 - 3.1.2.1 Imbangan - simetri.
 - 3.1.2.2 Penegasan - bahagian muka

3.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan topeng muka.

- 3.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media dalam penghasilan karya
 - 3.2.1.1 Alat– gunting
 - 3.2.1.2 Bahan – pensel warna atau *oil pastel*, kad manila, gam, benang, gelang getah atau tali
- 3.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya



3.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran teknik dan proses dalam penghasilan topeng muka .

- 3.3.1 Memilih dan memanipulasikan bahan secara kreatif
- 3.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang bersesuaian dalam penghasilan topeng muka
- 3.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: bentuk, warna, jalinan, imbangan, dan penegasan dalam penghasilan topeng muka

3.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

- 3.4.1 Menggayakan topeng muka yang dihasilkan sendiri
- 3.4.2 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik • Guru menunjukkan beberapa contoh topeng muka yang telah siap. • Guru menerangkan ciri-ciri topeng muka. Aplikasi Seni • Guru memperkenalkan alat dan bahan yang diperlukan serta tunjuk cara menghasilkan topeng muka. <u>Langkah 1</u> • Lukis rupa haiwan. <u>Langkah 2</u> • Gunting permukaan kad manila untuk mendapatkan rupa haiwan. <u>Langkah 3</u> • Mewarna dan menampal bahan yang diperlukan bagi menghias rupa topeng tersebut.	    





MENGENAL KRAF TRADISIONAL

Tahun	:	2
Bidang	:	Mengenal Kraf Tradisional
Aktiviti	:	Gasing
Tema	:	Objek Buatan Manusia
Tajuk	:	Gasing Mudah
Masa	:	60 minit
Jenis-jenis Media	:	Alat - gunting Bahan - gambar salinan fotostat rupa bulatan pada kertas A4, box board, gam, lidi sate, dan krayon.
Bahan Bantu Mengajar	:	Gasing sebenar / gambar gasing
ENT	:	Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti bentuk, warna, dan imbalan yang terdapat pada objek buatan manusia dan karya seni dalam penghasilan gasing.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam penghasilan gasing.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan gasing.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpanduan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.





STANDARD PEMBELAJARAN

4.1 Persepsi Estetik Murid dapat menyatakan dan membuat pemerhatian terhadap unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan gasing.

- 4.1.1 Unsur seni
 - 4.1.1.1 Bentuk - konkrit
 - 4.1.1.2 Warna - hiasan gasing
- 4.1.2 Prinsip rekaan
 - 4.1.2.1 Imbangan - simetri

4.2 Aplikasi Seni Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan gasing.

- 4.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media
 - 4.2.2.1 Alatan - gunting
 - 4.2.2.2 Bahan - gambar salinan fotostat rupa bulatan pada kertas A4, *box board*, gam, lidi sate, dan krayon
- 4.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya




4.3 Ekspresi Kreatif Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran teknik dan proses dalam menghasilkan gasing dalam bentuk 3D.

- 4.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
- 4.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang bersesuaian dalam penghasilan gasing.
- 4.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: bentuk, warna, dan imbangan dalam penghasilan gasing


4.4 Apresiasi Seni Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.

- 4.4.1 Memutarakan gasing yang dihasilkan sendiri
- 4.4.2 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik • Menunjukkan gasing sebenar atau gambar gasing dan menerangkan bahagian-bahagian gasing seperti paksi, badan, dan kepala. Aplikasi Seni • Guru berinteraksi tentang bahasa seni visual: bentuk, warna, dan imbangan. • Guru menunjuk cara menghasilkan gasing mudah dengan menggunakan <i>box board</i>. <u>Langkah 1</u> • Melakar corak pada bulatan kertas yang telah disediakan dan mewarnakannya • Menampal hiasan corak pada <i>box board</i> • Menggunting bentuk bulatan bagi menghasilkan badan gasing <u>Langkah 2</u> • Mencucuk dan melekatkan lidi sate pada bahagian tengah badan gasing menggunakan gam UHU	   



STANDARD PEMBELAJARAN	ILUSTRASI AKTIVITI
Ekspresi Kreatif • Murid menghasilkan gasing mudah menggunakan <i>box board</i>. • Murid menjalankan aktiviti seperti langkah-langkah yang telah ditunjukkan. Apresiasi Seni Visual • Guru menerangkan gasing sebagai warisan budaya. • Murid menyatakan bahasa seni visual yang terdapat pada gasing mudah yang dihasilkan. • Murid memutarakan gasing mudah yang telah dihasilkan.	





MENGENAL KRAF TRADISIONAL

Tahun	:	2
Bidang	:	Mengenal Kraf Tradisional
Aktiviti	:	Tembikar – Teknik Lingkaran
Tema	:	Objek Buatan Manusia
Tajuk	:	Buyung
Masa	:	60 minit
Jenis-jenis Media	:	Alat - peralatan penghasilan tembikar Bahan - <i>plastisin</i> atau doh
Bahan Bantu Belajar	:	gambar, contoh model bekas air yang telah dihasilkan
EMK	:	Keusahawanan, Kreativiti, dan Inovasi

STANDARD KANDUNGAN

1. Persepsi dan pemahaman bahasa seni visual seperti bentuk, jalinan, dan imbangan yang terdapat pada objek buatan manusia dan karya seni dalam penghasilan kraf tembikar.
2. Aplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam membuat kraf tembikar.
3. Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan kraf tembikar.
4. Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya.





STANDARD PEMBELAJARAN

- 4.1 Persepsi Estetik** Murid dapat menyatakan dan membuat pemerhatian terhadap unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan kraf tembikar.
- 4.1.2 Unsur seni
 - 4.1.2.1 Bentuk – konkrit
 - 4.1.2.2 Jalinan – sentuh
 - 4.1.3 Prinsip rekaan
 - 4.1.3.1 Imbangan - simetri
- 4.2 Aplikasi Seni** Murid dapat mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media, serta proses dan teknik dalam penghasilan kraf tembikar menggunakan teknik lingkaran.
- 4.2.1 Mengenal dan menyatakan jenis-jenis media.
 - 4.2.2.1 Alat - tiada
 - 4.2.2.2 Bahan - doh atau plastisin
 - 4.2.2 Mengetahui penggunaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya.
 - 4.2.2.1 Teknik – lingkaran
- 4.3 Ekspresi Kreatif** Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, kefahaman media, serta kemahiran teknik dan proses dalam menghasilkan kraf tembikar dalam bentuk 3D.
- 4.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif
 - 4.3.2 Mengaplikasikan proses dan teknik yang bersesuaian dalam penghasilan kraf tembikar
 - 4.3.3 Menggunakan bahasa seni visual: bentuk, jalinan, danimbangan dalam penghasilan kraf tembikar
- 4.4 Apresiasi Seni Visual** Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan memberikan penekanan pada bahasa seni visual.
- 4.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
 - 4.4.2 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan



STANDARD PEMBELAJARAN	ILLUSTRASI AKTIVITI
Persepsi Estetik - Guru menunjukkan buyung atau gambar buyung dan bersoal jawab tentang bahasa seni visual yang ada padanya. Aplikasi Seni - Guru memperkenalkan media sebenar atau bahan gantian yang bersesuaian untuk menghasilkan kraf tembikar. - Guru menunjuk cara menghasilkan buyung mengikut langkah-langkah berikut. <u>Langkah 1</u> - Membentuk tanah liat secara memanjang <u>Langkah 2</u> - Membentuk bahagian tapak dengan lingkaran tanah liat - Membentuk badan, leher dan mulut buyung menggunakan tanah liat dengan teknik lingkaran Ekspresi Kreatif - Murid menghasilkan buyung mengikut tatacara yang telah ditunjukkan. Apresiasi Seni Visual - Murid mempamerkan dan menyatakan hasil kerja sendiri dan rakan. - Murid mengaitkan hasil kerja dengan warisan budaya.	   



PENGHARGAAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyediakan Panduan Pengajaran Dunia Seni Visual Sekolah Rendah Tahun 2 ini. Antara pihak yang terlibat ialah:

- Guru-guru yang menjadi panel penyediaan Panduan Pengajaran Dunia Seni Visual Tahun 2
- Pensyarah Pendidikan Seni Visual, UiTM, UPSI dan IPGM
- Guru-guru Dunia Seni Visual Tahun 2 di sekolah Rintis KSSR Dunia Seni Tahun 2010,
- Pegawai Unit Pendidikan Seni Visual, Bahagian Pembangunan Kurikulum.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
ARAS 4-8, BLOK E9
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

